

# Saya bukan berhaluan kiri — Mahathir

MM 28 JUN 1981  
KUALA LUMPUR,

27 Jun — **Datuk Sri Dr. Mahathir** hari ini menolak dakwaan bahawa beliau seorang berhaluan kiri serta bersikap keras dan serentak itu memberi jaminan kepada rakyat khasnya masyarakat perniagaan bahawa tidak akan ada perubahan radikal dalam kerajaan baru kelak.

“Dakwaan saya seorang berhaluan kiri hanya anggapan orang semata-mata”, kata Presiden baru UMNO itu yang juga bakal Perdana Menteri Malaysia yang

keempat kepada para wartawan hari ini.

Beliau menarik perhatian: Tidak akan berlaku sebarang perubahan yang radikal dalam kerajaan di bawah pimpinanannya kelak.

“Saya tidak nampak adanya sebarang perubahan radikal, tetapi mungkin dari segi pelaksanaan dasar saja,

“Rakyat, khasnya masyarakat perniagaan tidak perlu bimbang dengan perubahan itu”, katanya ketika ditemui semasa rehat selepas pemilihan Majlis Tertinggi di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO, di sini, tengah hari tadi.

**Datuk Sri Dr. Mahathir** membayangkan ke-

mungkinan berlakunya sedikit penyesuaian kabinet yang akan diumumkan kemudian.

“Saya harap semua pihak bersabar kerana saya memerlukan masa untuk memikirkannya”, jelasnya.

Menjawab soalan sama ada **Datuk Musa Hitam** akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Sri Dr. Mahathir** berkata: “Biasanya Timbalan Presiden parti menjadi Timbalan Perdana Menteri walaupun bukan semestinya”

Beliau juga belum

pasti sama ada akan terus memegang portfolio perdagangan dan perindustrian setelah menjadi Perdana Menteri nanti.

**Datuk Sri Dr. Mahathir** membayangkan kemungkinan sekurang-kurangnya satu Kementerian akan terlibat dengan rombakan kabinetnya.

Bagaimanapun, menurutnya, buat sementara waktu ini beliau akan memberi keutamaan untuk membiasakan diri dengan tugas barunya sebagai Presiden UMNO.